



<b>1. JAWATAN</b>	<b>: KETUA KEGIATAN LUAR</b>
<b>KEMENTERIAN/JABATAN</b>	<b>: JABATAN PENDIDIKAN KO KURIKULUM</b>
	<b>KEMENTERIAN PENDIDIKAN</b>
<b>BAHAGIAN</b>	<b>: II</b>
<b>TANGGAGAJI</b>	<b>: G.15 (\$3,880 - \$4,240 SEBULAN)</b>
<b>KEKOSONGAN</b>	<b>: SATU (1)</b>

#### **KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) i) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang bersesuaian.
- ii) Telah berkhidmat di Kementerian Pendidikan sebagai Pegawai Pelajaran atau jawatan berkaitan dengan tugas mentadbir kegiatan-kegiatan luar sekolah atau jawatan bersesuaian sebanding dalam tanggagaji G.13 / B.2 EB.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

#### **ATAU**

- b) Bagi yang tidak mempunyai Ijazah, hendaklah sedang berkhidmat di Kementerian Pendidikan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji G.12 / G.11 / B.2 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun.
2. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

#### **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB KETUA KEGIATAN LUAR:**

1. Mengetuai Profesional Kegiatan Jabatan Ko Kurikulum.
2. Membuat perancangan akan perkara yang berbangkit dengan hal-hal latihan dan kursus-kursus kepada klien Jabatan Pentadbiran Sekolah / Maktab / Institusi, Tenaga Pengajar dan Profesional, murid-murid.



3. Membuat perancangan mengenai hal yang bersangkut-paut dengan perkembangan kegiatan-kegiatan Ko Kurikulum.
4. Berkerjasama dengan pelbagai agensi kerajaan, Swasta dan Pertubuhan Bukan Kerajaan dalam hal melaksanakan kegiatan Ko Kurikular.
5. Mengawasi hal penggunaan peruntukan yang diberikan kepada Jabatan.
6. Menerima maklumbalas sebarang maklumat yang berkaitan dengan hal-hal bahagian masing-masing dan mengambil tindakan yang sepatutnya dengan seberapa segera yang boleh.
7. Membuat cadangan peruntukan / perbelanjaan tahunan bagi bahagian ini.
8. Menilai Prestasi Pegawai / Kakitangan di bawah bahagiannya.
9. Bertugas sebagai ahli jawatankuasa jika sekiranya ada lantikan dari pihak Pengarah Pendidikan Kokurikulum atau dari Jabatan lain di bawah Kementerian Pendidikan.
10. Melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh Pengarah Pendidikan Ko Kurikulum dari semasa ke semasa.